

SISTEM PERSEKUTUAN

4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

Sistem Persekutuan

- Diamalkan di Malaysia.
- Bermaksud penyatuan beberapa buah negeri dan membentuk sebuah negara bersekutu.
- Unsur penting negara Persekutuan: wujudnya Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat) dan Kerajaan Negeri serta pembahagian kuasa dalam sistem pentadbiran.

Pembentukan Sistem Persekutuan di Malaysia

Persekutuan 1896

- Sebuah Persekutuan yang terdiri daripada 4 buah negeri Melayu ditubuhkan berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895.
- Persekutuan berkuat kuasa pada tahun 1896 dan dikenali sebagai NNMB.
- Tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- Banyak keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral di KL sebagai pusat pentadbiran NNMB.



Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927

- Majlis ini distruktur semula pada tahun 1927 untuk memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu.



Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union)

- [1946] British berusaha untuk menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka untuk membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan yang dinamakan Kesatuan Malaya 1946 atau Malayan Union.
- Konsep kesatuan yang diperkenalkan di bawah Malayan Union ini turut membayangkan pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat di bawah kuasa Gabenor British.
- Malayan Union dilaksanakan dalam tempoh masa yang terhad dan gagal diteruskan setelah mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Satu gabungan 9 buah negeri Melayu dan 2 buah NNS yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu terbentuk melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Pengagihan kuasa peringkat persekutuan dan negeri menandakan bermula era moden amalan Persekutuan di negara kita. Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan. Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing.



Persekutuan Tanah Melayu 1957

- [31 Ogos 1957] Muncul Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
- Persekutuan yang berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi melicinkan pentadbiran negara yang berdaulat.
- Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan. Konsep Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Persekutuan Malaysia 1963

- [16 September 1963] Berdasarkan Perjanjian Malaysia, maka lahir sebuah Persekutuan yang terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura dan 2 buah negeri Borneo, iaitu Sarawak dan Sabah. Persekutuan ini dinamakan Malaysia.

Sejarah Pembentukan Konfederasi Negeri Sembilan 1895

- [1889] Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai Konfederasi Seri Menanti dan bersetuju menerima seorang Residen British.
- [1895] Satu perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin untuk menubuhkan sebuah konfederasi yang lebih besar dikenali sebagai Negeri Sembilan.
- Mereka juga bersetuju menerima Residen British bagi membantu pentadbiran konfederasi tersebut.
- Yamtuan Besar Seri Menanti, Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah kemudiannya dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang pertama pada tahun 1898. Martin Lister pula dilantik sebagai Residen yang pertama di Negeri Sembilan.

Konfederasi ialah gabungan antara negeri yang berdaulat dalam satu ikatan yang longgar. Kuasa negeri dikekalkan dan kedaulatan negeri terpelihara.

4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada 3 peringkat:

- Kerajaan Persekutuan
- Kerajaan Negeri
- Kerajaan tempatan

Pembahagian Kuasa

- Bertujuan untuk melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.
- Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.
- Kerajaan Tempatan diletakkan dibawah kuasa Kerajaan Negeri.

Kuasa Kerajaan Persekutuan

- Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi seluruh Malaysia.

- Senarai Persekutuan
 - Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagainya.
 - Menjelaskan kuasa Kerajaan Persekutuan yang luas meliputi skop kepentingan nasional dan merangkumi semua aspek perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran negara.



Kuasa Kerajaan Negeri

- DUN: Mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi negerinya.



- Senarai Bersama
 - Perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.
 - Jika ada percanggahan bagi perkara di bawah Senari Bersama, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi.



- Peruntukan Tambahan bagi Sarawak dan Sabah
 - Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia.
 - Di bawah Akta Imigresen 1963, Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa untuk mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan.



Peranan Kerajaan Tempatan

- Kerajaan peringkat ketiga yang diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan.
- Lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
- Merupakan perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat serta berperanan memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat.
- Fungsi Kerajaan Tempatan digariskan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], merangkumi semua jenis Kerajaan Tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.



Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

- [1999] Kerajaan Persekutuan memindahkan pusat pentadbirannya dari KL ke Putrajaya.
- Putraja diisyiharkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat.
- Penubuhan ini untuk mewujudkan sebuah pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan yang lebih sistematik berikutan keadaan KL yang semakin sesak dengan pembangunan dan pertambahan penduduk.
- [2000] Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan menandatangani perjanjian untuk menjadikan Putraja sebuah Wilayah Persekutuan.
- Nama Putrajaya diambil bersempena dengan nama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama.

4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi

Pembangunan Tanah (Awal Kemerdekaan)	<ul style="list-style-type: none"> Tertumpu pada pembukaan tanah baharu dan pembangunan <i>In-Situ</i>. [1956] Federal Land Development Authority (FELDA) ditubuhkan untuk mengurus dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu. Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA) ditubuhkan untuk menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar.
Pembangunan Wilayah (Tahun 1970)	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Persekutuan membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baharu. Agensi pembangunan <ul style="list-style-type: none"> Sarawak: Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS), Lembaga Penyatuan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA). Sabah: Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB). 
Pembangunan Koridor Wilayah (Tahun 2005)	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan strategik jangka panjang yang memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.

★ Kerjasama Pemuliharaan Khazanah Negara

Pengurusan Taman Negara

- Pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- Akta Perlindungan hidupan Liar 1972
 - Digantikan dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010
- [1972-1978] Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia.
- Jabatan Mergastua dinamakan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di Semenanjung Malaysia.
- Pengurusan taman negara di:
 - Sarawak: Perbadanan Perhutanan Sarawak.
 - Sabah: Jabatan Hidupan Liar Sabah.



Peta menunjukkan antara kawasan perlindungan hidupan liar dan taman negara di Semenanjung Malaysia.



(Dari kiri) [2000] Taman Negara Kinabalu, Sabah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pertama di Malaysia; Taman Negara Mulu, Sarawak diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Pengurusan Taman Laut

- 42 buah pulau di perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan diwartakan sebagai taman laut sejak 1994.
- Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan dengan taman laut.
- Kerajaan Negeri berkuasa terhadap pembangunan pulau.
- Penyelarasian pentadbiran taman laut dibuat melalui Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- [2007] Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan sebagai agensi Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab dalam dasar pengurusan taman laut.
 - [2008] Pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia.
- Kawasan perlindungan marin di Sabah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui agensi Taman-Taman Sabah.

Kerjasama Penyediaan Perumahan Rakyat

Perumahan Awal Kemerdekaan	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Persekutuan<ul style="list-style-type: none">◦ [1964] Menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah.• Kerajaan Negeri<ul style="list-style-type: none">◦ Menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah.
Perumahan untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Persekutuan<ul style="list-style-type: none">◦ [1997] Melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk membina perumahan awam di seluruh negara.• Kerajaan Negeri<ul style="list-style-type: none">◦ Menubuhkan agensi pembangunan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah.◦ Memperkenalkan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) melalui peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.
Perumahan Mampu Milik	<ul style="list-style-type: none">• [2014] Majlis Perumahan ditubuhkan untuk merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik.• Program peringkat Persekutuan:<ul style="list-style-type: none">◦ Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA)◦ Rumah Mesra Rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.• Program peringkat Negeri:<ul style="list-style-type: none">◦ Rumah Selangorku◦ Rumah Mampu Milik Johor

Kerjasama Menjamin Keselamatan dan Kedaulatan Negara

- Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- Keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam
- Kementerian Pertahanan (KEMENTERAH)
- Pertahanan negara

Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak	<ul style="list-style-type: none">• Ancaman komunis semakin meningkat,<ul style="list-style-type: none">◦ Tun Abdul Razak Hussein (Perdana Menteri Malaysia kedua, Pengerusi Majlis Keselamatan Negara) mengisyiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Keselamatan Kawasan Rajang.• Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM<ul style="list-style-type: none">◦ Bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM.
Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah	<ul style="list-style-type: none">• Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah<ul style="list-style-type: none">◦ Ditubuhkan selepas pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12 Feb 2013.◦ Misi: Untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah.◦ Tanggungjawab: Mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE) atau Zon Keselamatan Timur Sabah.◦ Berkerjasama dengan agensi keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

<p>Segitiga Jengka ialah Ilham Tun Abdul Razak Hussein. Segitiga Jengka merupakan Rancangan Pembangunan Wilayah pertama diusahakan oleh FELDA pada tahun 1966 yang merangkumi 3 daerah, iaitu Temerloh, Jerantut dan Maran, Pahang.</p>	<p>Rafflesia azlanii</p> <p>Spesies ini merupakan spesies asli Semenanjung Malaysia dan mula ditemukan di Hutan Simpan Royal Belum di negeri Perak pada tahun 2003. Bagi memperingati penemuan ini, <i>Rafflesia</i> tersebut dinamakan bersempena dengan nama Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah.</p>
<p>Taman Laut di Bawah Pengurusan Taman-Taman Sabah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Taman Tunku Abdul Rahman (Kota Kinabalu) 2. Taman Pulau tiga, Kuala Penyu. 3. Taman Pulau-Pulau Penyu, Sandakan. 4. Taman Marin Tun Sakaran. Semporna. 5. Taman Pulau Sipadan, Semporna. 6. Taman Tun Mustapha, Kudat. 	<p>Hidupan Laut</p> <p>4 daripada spesies penyu dunia boleh dijumpai di perairan Malaysia. 2 daripadanya ialah Penyu Karah (<i>Eretmochelys imbricata</i>) dan Penyu hijau (<i>Chelonia mydas</i>).</p>

4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

Keluhuran Perlembagaan Mengukuhkan Persekutuan

- Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi bagi mentakrifkan prinsip Persekutuan dan pentadbiran negara.
- Parlimen dan DUN - Undang-undang yang digubal tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ia tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah antara satu sama lain.
- Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri.

★ Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri	<ul style="list-style-type: none">• Dipengerusikan oleh Perdana Menteri.• Dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri.• Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan.
Majlis yang Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan	<ul style="list-style-type: none">• Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Menteri:<ul style="list-style-type: none">◦ Majlis Kewangan Negara◦ Majlis Tanah Negara◦ Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
Majlis yang ditubuhkan oleh Kerajaan	<ul style="list-style-type: none">• Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dibuat melalui majlis yang ditubuhkan seperti:<ul style="list-style-type: none">◦ Majlis Keselamatan Negara◦ Majlis Air Negara◦ Majlis Perumahan Negara

💡 Informasi

Setiausaha Persekutuan bagi Sarawak dan Sabah

- Jawatan Setiausaha Persekutuan bagi Sarawak dan Sabah diwujudkan tahun 1963.
- Tanggungjawab utama adalah untuk mengeratkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- Jawatan tersebut dihapuskan pada tahun 1982 dan diwujudkan semula pada tahun 1990 berikutan dengan keputusan Jemaah Menteri pada tahun 1989.

TAMAT BAB 4